



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 Jil. 2 (7)
Tarikh : 16 Januari 2017

SEGERA DENGAN FAKS DAN POS

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**PELAKSANAAN DASAR PENGELUARAN KAD PENDAFTARAN NELAYAN BARU
DAN GANTIAN
(PEKELILING PELESENAN BIL. 2/2017)**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Dasar dan Prosedur Pelesenan Jabatan Perikanan Malaysia berhubung pengeluaran kad pendaftaran nelayan baru dan gantian diberikan kelulusan diperingkat Pengarah Perikanan Negeri sahaja. Walau bagaimanapun, setelah semakan dan penelitian dibuat, Bahagian ini mendapati terdapat pengeluaran kad pendaftaran nelayan baru dan gantian dikeluarkan diperingkat daerah.

3. Sehubungan itu, bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang isu berbangkit di masa akan datang serta meningkatkan kecekapan urusan pelesenan diperingkat negeri dan daerah. Jabatan ini telah menetapkan agar pengeluaran kad pendaftaran nelayan baru dan gantian hanya boleh dikeluarkan dan diberikan kelulusan oleh seperti berikut:

3.1 Pengarah Perikanan Negeri sahaja; atau

3.2 Ketua Unit Pelesenan Negeri sekiranya Pengarah Perikanan Negeri tiada di pejabat / bekerja luar.

3. Selaras dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan diminta untuk membuat makluman dan hebahan kepada setiap kakitangan pelesenan diperingkat negeri dan daerah serta pihak berkepentingan secara menyeluruh mengenai dasar baru ini yang dilaksanakan berkuatkuasa **SERTA-MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Segala kerjasama dan tindakan dari pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ribuan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah

Jabatan Perikanan Malaysia

PUTRAJAYA

s.k. :

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Cawangan, Bahagian Pengurusan Sumber

Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia

Ketua Unit Komunikasi Korporat

- Mohon pihak tuan untuk memuatnaik pekeliling ini ke dalam laman web Jabatan.

Semua Pegawai Perikanan, Bahagian Pengurusan Sumber

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan